

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD.5 (77)

Tarikh: 19 Julai 2012

KENYATAAN AKHBAR

PELANCARAN UPTOWN@KOTA DAMANSARA

Uptown@Kota Damansara adalah bazar perniagaan yang berkonsepkan pusat perniagaan industri kecil dan sederhana (IKS) yang moden dan inovatif.

Uptown@Kota Damansara menawarkan ruang niaga pelbagai jenis produk perniagaan seperti barangan kraftangan, hak hasil cipta, pakaian lelaki dan wanita, kasut, aksesori, hiasan rumah, barangan kanak-kanak, alat ganti kereta, kereta barangan sukan, barangan permainan dan sebagainya.

Bagi memberi kemudahan kepada pengunjung, pihak pengurusan juga menyediakan gerai makanan dan minuman serta surau. Apatah lagi pada bulan Ramadhan yang mulia, pihak pengurusan Uptown@Kota Damansara berusaha untuk menyediakan kemudahan bagi kesenangan pengunjung.

Kepada mereka yang datang bersama keluarga juga tidak perlu bimbang kerana Uptown@Kota Damansara sesuai untuk seisi keluarga.

Dari semasa ke semasa pihak pengurusan akan mempertingkatkan lagi prasarana yang ada kerana menjadi impian mereka untuk memberi wajah baru kepada Uptown dan pada masa sama memberi persepsi baru kepada pengunjung Uptown yang ia bukan lagi bazaar pasar malam yang biasa-biasa saja.

Secara ringkasnya, Uptown ini adalah yang pertama ditubuhkan di Damansara yang kemudiannya pada 2006 dipindahkan ke Pasar Muhibbah Kota Damansara.

Menyedari yang Uptown antara tempat perniagaan yang semakin digemari ramai dewasa ini dan paling utama ia adalah ruang terbaik kepada peniaga kecil untuk menjual serta mempromosikan produk mereka yang secara tidak langsung dapat menjana ekonomi masyarakat setempat, maka pihak pengurusan Uptown@Kota Damansara menaik taraf premis perniagaan dengan mendirikan kedai-kedai *roller shutter* di mana peniaga tidak perlu berniaga di bawah khemah.

Uptown ini bukan saja memikirkan kemudahan orang ramai tetapi juga kepada peniaga agar mereka selesa berniaga di sana.

Sempena bulan Ramadhan ini juga, Uptown@Kota Damansara menganjurkan bazar Ramadhan terbesar di Petaling Jaya yang mana daripada 300 kedai sedia ada kini ia bertambah kepada 500 gerai.

Untuk memeriahkan lagi bazar itu dan penghargaan kepada orang ramai yang berkunjung ke situ, pihak pengurusan mengadakan pelbagai aktiviti seperti kemunculan artis untuk membuat persembahan, cabutan bertuah yang menawarkan hadiah lumayan seperti televisyen, rantai emas, basikal dan hamper istimewa Hari Raya.

Pada majlis pelancaran ini juga pihak pengurusan mengadakan usaha sama dengan wakil perniagaan daripada Bandung, Indonesia bagi memasarkan produk Negara jiran itu ke Negara ini. Dengan kerjasama yang terjalin ini, ia akan memberi peluang kepada orang ramai untuk membeli terus pelbagai barangan daripada tanah seberang tanpa perlu ke sana lagi dan harga yang akan ditawarkan juga amat berpatutan.

Kerjasama ini dimeterai antara pihak pengurusan Uptown@Kota Damansara, Ibrahim Muhammad dengan Lucky Mulyawan, Ahmad Mohaayen Said dan Dr. Timbul ButarButar.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my